

# UUM raih emas Taman Universiti Floria 2012

PUTRAJAYA 7 Julai - Konsep taman bunga romantik oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya mencuri tumpuan juri sekali gus menerima anugerah emas dalam pertandingan Taman Universiti yang dianjurkan sempena Festival Bunga dan Taman Putrajaya (Floria 2012).

Dengan kemenangan tersebut, pasukan UUM yang dianggotai oleh 10 pelajar tahun akhir bidang Pengurusan Hotel dan Pembinaan Landskap berjaya membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM2,000, trofi dan sijil penghargaan.

Sebanyak 23 institusi pengajian tinggi (IPT) mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut antaranya Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Lebih menarik, kesemua IPT yang mengambil bahagian berjaya menghasilkan rekaan landskap yang menakjubkan dan mempunyai maksud tersendiri.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Tan Sri Samsudin Osman, pembinaan taman-taman melalui pertandingan yang diadakan sememangnya menambahkan lagi keceriaan Floria 2012 sekali gus menjadi tarikan kepada pengunjung khususnya pelajar IPT.

Katanya, respons pada tahun ini amat menggalakkan apabila seramai 500 pelajar, pensyarah, guru dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) terlibat dalam pertandingan yang dianjurkan.

"Pertandingan seumpama itu diharapkan mampu meningkatkan lagi tahap kesedaran menyayangi alam sekitar khususnya golongan belia," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Taman Sekolah, Taman Universiti dan Seni Flora sempena Floria 2012 di sini hari ini.